

BELUM ADA URA2 PERCHANTUMAN MALAYA-BRUNEI

D.Y.M.M. nafikan Tengku telah mengadakan rundingan di-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Berita bahawa Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman, berchadang hendak merisikkan kepada Duli Yang Maha Mulia soal perchantuman Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu telah menimbulkan sedikit ribut di-kalangan fikiran satengah2 ra'ayat Brunei tentang persahabatan erat Brunei dengan Malaya.

Berita itu berpuncha dari London dan telah di-siarkan oleh akhbar mingguan bahasa Inggeris, Borneo Bulletin dalam keluarannya 25 June.

Dalam berita itu Tengku dikatakan, antara lain, telah memberi tahu penuntut2 Brunei di-London sa-masa Tengku berada di-situ kerana menghadhiri persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth bahawa Brunei adalah sa-buah negara yang kecil untuk menjadi sa-buah negara merdeka atau menjadi anggota negara2 Commonwealth.

Perbathatan tentang baik ta' baik-nya chadangan itu telah berlaku di-kalangan ra'ayat.

Untuk menghapuskan keraguan dua kenyataan yang menjelaskan kedudukan yang sa-benar-nya telah di-dapati daripada Duli Yang Maha Mulia dan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

BELUM MENDENGAR

Kenyataan Duli Yang Maha Mulia itu di-hebahkan melalui Radio Brunei oleh Pegawai Penerangan Negara, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Kenyataan daripada Duli Yang Maha Mulia itu berkata :—

"Berita dari London yang dipetik oleh akhbar mingguan tempatan Borneo Bulletin keluaran 25 June, 1960 baharu2 ini mengatakan bahawa Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman akan merisikkan kepada Duli Yang Maha Mulia tentang kemungkinan Negeri Brunei berchantum dengan Persekutuan Tanah Melayu di-satu masa yang ta' lama akan datang bahawa mengikut titah Duli Yang Maha Mulia, baginda sen-

perundingan dengan baginda tentang soal tersebut, maka baginda bertitah bahawa Tengku belum pernah mengadakan apa2 perundingan dengan baginda.

"Tentang soal Tengku menyebut bahawa Brunei ada-lah sangat kecil untuk menjadi sa-buah negara merdeka dan sangat kecil untuk menjadi anggota negara2 Commonwealth, baginda bertitah, itu, hanya-lah pendapat Tengku, boleh jadi sama dan boleh jadi berlainan dengan pendapat baginda atau dengan pendapat yang lain2.

PUNCHA2 POLITIK

"Berita yang mengatakan bahawa puncha2 politik di-London perchaya bahawa Tengku telah

"Tengku belum pernah atau tidak ada sedikit pun mengadakan perundingan permulaan dengan baginda, sebab Tengku tiba di-Kuala Lumpur pada petang 15 June dan baginda berangkat balek ka-Brunei pada pagi 16 June. Baginda dan Tengku hanya berjumpa sa-kejap dalam jamuan malam 15 June dan tatkala baginda berangkat pada pagi 16 June itu Tengku datang ka-bangunan kapal terbang Kuala Lumpur kerana memberi selamat berangkat pada baginda."

Dalam kenyataan-nya mengulas berita itu Dato Paduka berkata bahawa kerajaan tidak mengetahui kenyataan saperti itu telah dibuat oleh Tengku Abdul Rahman.

SOAL KEMERDEKAAN

Tentang soal kemerdekaan dan keanggotaan Brunei dalam negara2 Commonwealth, Dato Paduka berkata bahawa Brunei boleh meminta menjadi anggota Commonwealth British jika dan apabila Brunei telah mendapat kemerdekaan penuh.

Dato Paduka sa-lanjut-nya tidak menaruh shak bahawa permohonan saperti itu akan mendapat pertimbangan yang baik daripada Great Britain dan lain2 negara Commonwealth.

Perasaan muhibbah Duli Yang Maha Mulia terhadap Persekutuan Tanah Melayu ada-alah satu perkara yang memang di-ketahui erat dan mesra dari ucha-pan2 baginda yang telah lalu.

BUKTI SEJARAH

Pada masa menyambut keberangkatan Almerhum Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, ka-Brunei, dalam bulan July tahun lepas Duli Yang Maha Mulia beruchap antara lain :

"Bukti sejarah tidak dapat disangkal, perhubungan persaudaraan yang mengikat Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu bukan-lah hanya sebutan2 mulut yang baharu di-zahirkan sa-hari dua, bukan sa-tahun dua, dan juga bukan sa-puluh dua puluh tahun tetapi ada-lah sejak 500 tahun yang lampau, dari sejak pemerintahan Sultan Mohammed yang pertama.

"Baginda almerhum itu mengi-
(Lihat muka 5)



Duli Yang Maha Mulia

mengenai hal yang di-beritakan itu.

"Mengenai berita yang mengatakan bahawa Tengku memberi tahu penuntut2 Brunei di-London ia-itu kalau Pejabat Tanah Jajahan memberi isyarat membolehkan, Tengku akan mengadakan

mengadakan perundingan permulaan dengan Duli Yang Maha Mulia di-Kuala Lumpur sa-telah Tengku kembali dari persidangan Perdana2 Menteri itu, maka Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa berita itu ada-lah tidak benar sa-kali2.

HAMPIR 200 MURID DAPAT SIJIL KELULUSAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-jumlah kira2 200 orang murid2 sekolah Melayu di-Bandar Brunei yang lulus dalam darjah2 lima dan enam pada tahun 1958 telah menerima sijil2 tamat pengajian mereka baharu2 ini.

Istiadat itu telah di-adakan di-Dewan Civic Centre Bandar Brunei dan di-hadhiri oleh beberapa orang yang di-jemput khas serta ibu bapa murid2 tersebut.



Inche Idris menyampaiakan sijil

Hadih2 itu telah di-sampaikan oleh Pegawai Pelajaran Negara Yang Berhormat Inche Idris bin Babji.

Ini-lah kali yang pertama majlis sa-demikian di-adakan di-Bandar Brunei.

Semua murid2 itu telah mendapat pelajaran perchuma sepanjang masa mereka belajar di-Sekolah Melayu, manakala diantara mereka-itu ada yang masih meneruskan pelajaran mereka di-sekolah Melayu S.M.J.A.

Sa-lain dari itu, Kerajaan Brunei juga memberi wang siswa kepada murid2 yang tinggal jauh dari bandar.

Bantuan ini memberi kesenangan kepada ibu bapa yang

mempunyai ramai anak bersekolah.



Inche M. Daud

7 pengakap Seria di-pileh mewakili Brunei di-S'pura

SERIA — Tujuh orang pengakap dari pasokan pertama Seria telah di-pileh untuk menghadhiri perkhemahan jubilee pengakap yang akan di-adakan di-Singapura dalam bulan August yang akan datang ini sa-bagi wakil dari Brunei.

Pengakp2 itu ia-lah Wong Thien Song, Sal Teo, Yahya Tinggal, Michael Chee, Abdillah Ramzi, Michael Lim dan Johnny Chia.

Rombongan itu mungkin mengandongi Scoutmaster mereka, Inche H.A.D. Sulaiman sa-orang pekerja sharikat minyak BSP.

Dalam perkhemahan itu pengakap dari seluruh Malaya, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara akan hadir.

Pemilihan ka-atas pengakap2 itu untuk mewakili Brunei telah di-putuskan sa-telah mereka itu di-dapati bekerja bersungguh2 dalam satu pertandingan yang

di-adakan di-pusat perkhemahan pengakap Brunei di-Jerudong.

Dalam pertandingan itu lima pasokan lain telah mengambil bahagian. Mereka itu di-kehendaki memasak, dan menyediakan perkakas dan alatan memasak dan dapur di-perkhemahan tersebut.

Pengakap2 itu akan berada di-Singapura sa-lama enam hari dari 18 August.

Dalam pertandingan di-Jerudong itu, pasokan pengakap SOAS yang kedua telah jato nombor dua. Pasokan itu diketuai oleh Awangku Ibnu bin Pengiran Apong.

HARI IBU BAPA DI-TUTONG

TUTONG — Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong telah melangsungkan hari Ibu Bapa-nya di-sini pada 25 dan 26 June lepas. Sambutan itu di-hadhiri oleh ibu bapa dan penjaga murid2.

Achara sambutan itu mengandongi malam aneka warna dan sandiwara Merak Kiangian telah di-persembahkan pada malam hari.

Murid2 telah menunjukkan kebolehan merka dalam serba lapangan.

Pada siang hari di-adakan permainan padang dan sukan.

Derma untok bangunan sekolah St. Angela

SERIA. — Sharikat minyak Brunei Shell telah menderma \$20,000 kapad derma bangunan sekolah St. Margaret Anglican School di-sini.

Ini telah di-umumkan oleh jawatan kuasa derma sekolah terbut. Derma itu ia-lah yang besar sa-kali di-terima oleh jawatan kuasa itu sa-takat ini.

Derma bangunan sekolah itu sekarang berjumlah \$60,000 lebeh kurang. Wang sa-banyak \$100,000 ada-lah di-kehendaki.

Bangunan baharu itu akan didirikan di-sabidang tanah yang telah di-dermakan oleh Kerajaan Brunei sa-bagai menggantikan bangunan yang ada sekarang. boleh di-hantar kapada Hong-

Derma kerana bangunan itu kong Bank, Seria.

PERADUAN MENGARANG — BAYARAN DARI \$30 HINGGA \$100 LEBEH

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Penerangan Brunei menawarkan bayaran dari \$30 hingga \$100 atau lebeh kapada penulis2 cherita pendek yang berunsorkan sejarah, kebudayaan, kesenian, adat dan keperchayaan orang2 Brunei.

Hadih2 itu akan di-bayar atas satu2 cherita yang diterima untok di-jilid dan di-chetak bagi di-jadikan buku bacaan umum kelak.

Peraduan mengarang itu terbuka kapada orang dewasa dan murid2 sekolah di-seluruh negeri. Lain2 syarat ada-lah saperti berikut:

◆ Tiap2 cherita hendak-lah tidak kurang dari 1,500 perkataan panjang-nya dalam bahasa Melayu, Rumi atau Jawi yang di-tulis dengan jarak langkah dua baris sama ada di-tiap atau di-tulis dengan tangan.

◆ Tiap2 penulis di-benarkan menulis beberapa buah karangan yang ia suka.

◆ Cherita2 yang di-bayar itu akan menjadi hak kerajaan.

Karangan2 itu hendak-lah di-hantar kapada:

Pegawai Penerangan Negara,
Pejabat Penerangan,
Bandar Brunei.

PENGUASA PENJARA KA-SIDANG

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Hidup, Penguasa Penjara Brunei, telah berlepas ka-Malaya pada 1 July ini kerana menghadhiri persidangan penguasa2 penjara Persekutuan Tanah Melayu.

Persidangan itu di-jadualkan berlangsung di-Taiping dari hari ini hingga 17 July dan akan di-pengerusikan oleh Pengarah Penjara Persekutuan, Inche Murad bin Ahmad.



Pengiran Hidup

Kaum padian menggantikan pasar di-ayer

Satu daripada chara2 perniagaan orang2 Melayu Brunei yang boleh di-banggakan ia-lah chara berjualan2 dengan memakai perahu yang di-kelolakan oleh kaum wanita.

Chara berniaga seperti ini maseh berjalan di-Kampung Ayer antara Kampung Lorong Sikuna dengan Kampung Saba, di-bela-kang Sekolah Melayu Lela Menchanai. Di-situ dapat di-lihat "chara2 membeli belah" yang di-lakukan oleh perempuan2 dengan berpuluh2 buah perahu seperti pasar keadaan-nya.

Tempat yang merupakan pasar yang sibok dengan membeli belah ini di-kelolakan oleh perempuan2 belaka yang menjadi penjual-nya. Mereka itu, seluruh-nya di-kenal dengan nama padian.

PEMANDANGAN

Pemandangan yang sibok dengan membeli belah ini boleh di-dapati dari sejak pagi hingga ka-petang hari di-tempat tersebut.

Pemandangan yang seperti ini sangat menarik perhatian, terutama melihat dari jauh pada siraong yang di-pakai mereka itu

Mereka menjual barang2 itu ia-lah dengan menggunakan sa-buah perahu pergi ka-merata2 rumah di-Kampung Ayer itu pada langgan-nya atau pun pada siapa2 sahaja yang hendak membeli-nya.

Chara2 berniaga seperti ini ada-lah dari sejak dahulu lagi ia-itu zaman Sultan2 Brunei tinggal di-Kampung Ayer. Padian2 pada masa itu ada-lah sa-umpama kedai tempat membeli belah seperti kedai2 yang ada sekarang ini.

Barang2 yang di-jadikan bahan2 perniagaan mereka itu sa-

anak-nya bersama2 dalam perahu itu, kerana mereka itu tiada mempunyai penjaga anak di-rumah-nya.

Suatu pemandangan yang memereka itu memakai "siraong" (Sabagai topi yang berbentuk tudung saji yang di-perbuat dari pada puchok nipah) untuk perlindungan dari hujan dan panas.

SA-PINTAS LALU

Memandang sa-pintas lalu, dapat-lah kita memestikan bahawa mereka ada-lah maju dalam menjalankan perniagaan-nya kerana kebanyakan mereka itu memakai barang2 kemas seperti gelang, chinchin dan kerosang.

Langganan padian2 itu bukan terdiri dari penduduk2 dari Kampung Ayer sahaja bahkan orang2 kampung darat pun membeli belah dengan mereka seperti yang selalu kita lihat di-tembok dekat Kampung Sultan Lama pada masa ini.

Perniagaan mereka itu mungkin akan kekal sa-lagi ada kampung ayer dalam Brunei yang mana perniagaan itu mempunyai pelanggan2 terbanyak dari orang2 kampung tersebut;

Orang2 kampung darat juga ada-lah menjadi pelanggan yang sambilan2, sa-lain dari membeli belah di-pasan Brunei.

CHARA BERNIAGA

Sa-benar-nya padian ini ada-lah terdiri rata2 dari perempuan2 di-Kampung Saba, tetapi pekerjaan yang demikian telah di-ikut pula oleh beberapa orang perempuan dari kampung2 lain di-kampung ayer itu.

Chara2 perniagaan seperti ini bukan sahaja di-ikut oleh perempuan di-kampung2 lain, malah telah melarat pula pada pehak orang lelaki dengan memakai perahu besar sa-bagaimana boleh kita lihat di-tembok Bandar Brunei pada masa ini ada tujuh delapan buah perahu besar yang penuh dengan berjenis2 barang2 perniagaan.

Sa-lain di-tiru oleh lelaki dengan chara yang demikian itu, perniagaan chara2 padian ini telah di-lakukan pula dengan menjual ikan2 dan jenis sayoran2 dan buahan2 pada sa-panjang bulan puasa pada tiap2 malam sa-hingga waktu sahor.

Penjualan yang di-lakukan oleh orang lelaki dalam bulan puasa ini, sangat-lah ramai pada sa-belum perang dahulu, tetapi sekarang telah berkurangan.

MENTERI KEWANGAN PERSEKUTUAN TERIMA JEMPUTAN KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu Tuan Tan Siew Sin di-jangka melawat ka-Brunei sa-chara tidak rasmi pada 11 July hingga 15 July.

Tuan Tan akan datang bersama Timbalan Setiausaha Perbendaharaan, Inche Jamil bin Abdul Rais.

Kedatangan Tuan Tan ia-lah atas jemputan Duli Yang Maha Mulia sa-masa baginda berada di-Kuala Lumpur baharu2 ini.

RANCHANGAN PERAYAAN HARI JADI D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Satu jawatan kuasa kerana meranchangkan perayaan2 yang akan di-adakan dalam istiadat menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia telah di-bentuk disini baharu2 ini.

Jawatan kuasa itu terdiri dari 37 orang ahli dan di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia jatuh pada 23 September akan datang ini. Pada hari itu Duli Yang Maha Mulia akan berusia 44 tahun.

Antara perayaan2 yang di-chadangkan oleh Jawatan kuasa itu ia-lah mengadakan malam aneka warna, permainan barat, lumba laut pertandingan lukisan dan pasar malam.

Beberapa jawatan kuasa kechil telah di-bentuk. Antara-nya ia-lah jawatan kuasa kewangan yang akan mengutip derma daripada orang ramai supaya sambutan2 yang di-ranchangkan itu kelak dapat di-adakan dengan chara2 yang lebih meriah dari tahun2 yang sudah.

LAWATAN PEGAWAI HAIWAN

KUALA BELAIT — Pegawai Haiwan Brunei, Tuan A. K. Sundram ada-lah di-jadualkan datang ka-sini pada 6 dan 20 July untuk mengubat binatang2 ternakan dan memberi nasihat kepada penternak2 binatang.

Tuan Sundram akan menjalankan pekerjaan itu di-pusat perhubungan buah2an di-batu 3½ Jalan Seria dari pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan dari pukul 2 petang hingga 3 petang pada hari2 tersebut.



Padian2 memakai siraong menjual barang2 di-Kampung Ayer.

sa-olah2 bergerak sa-bagai suatu tarian yang mempunyai irama.

Sa-orang padian yang telah menceritakan pengalaman-nya berhubung dengan kesah2 padian dalam negeri Brunei berkata:—

"Kerja ini saya telah kerjakan sejak 20 tahun dahulu sa-bagai satu pekerjaan yang turun temurun dari sejak Sultan2 Brunei tinggal di-Kampung Ayer dahulu.

"Kami tidak berasa malu atau segan dengan pekerjaan yang kami jalankan ini kerana sudah menjadi kebiasaan kami. Tambahan pula pekerjaan ini tiada di-bawah perintah orang.

"Sa-lain sudah menjadi kebiasaan kami, kerja ini ada-lah membantu sara hidup keluarga kami yang tidak berharap samata2 kepada pencharian suami2 kami".

Lazim-nya barang2 yang di-perniagakan itu, sa-lain dari pada ikan2 hidup dan ikan kering ia-lah jenis sayoran2, ulaman2, buahan2 dan lain2. Pendek-nya kebanyakan bahan2 untuk keperluan dapur ada-lah menjadi dagangan mereka.

lain dari ikan2 yang di-dapati dari nelayan2 di-kampung-nya, sayoran2 dan buahan2 ada-lah mereka dapat dari pengalu2 sa-bagai orang tengah dalam mengendalikan perniagaan mereka itu.

Pengalu2 ini pula menchari bahan2 perniagaan-nya dari orang2 kampung di-darat yang ada pula hari-nya yang di-tetapkan mengadakan jualan barang2-nya itu ia-itu pada hari mengalu.

TUKAR BARANG2

Pengalu2 itu pula sa-lain dari membeli dengan mata wang, ada juga menukar dengan barang2 seperti parang, pakaian dan lain2 dengan sayoran2 dan buahan2 yang di-punyai oleh orang2 kampung itu.

Orang2 padian ini kebanyakan ikhlas dan jujur orang-nya serta berterus terang dalam sa-suatu perkara. Mereka mempunyai pembawaan ramah tamah kepada langgan-nya. Mereka ada-lah terdiri rata2 dari perempuan yang sudah bersuami.

Satengah2 mereka yang menjadi padian itu ada membawa

KEADAAN SERBA SALAH TERHADAP PENGANGGORAN

Pajabat itu dikatakan telah menempoh kerumitan dalam tugas-nya hendak menyesuaikan orang2 yang menchari kerja dengan kerja2 kosong yang ada kerana mereka itu tidak mahu menerima sa-barang kerja yang di-tawarkan kechuali kerja itu kerja yang serasi dengan mereka.

Pekerja2 yang menganggor itu hanya mahu bekerja samula jika kerja yang di-tawarkan itu sa-rupa dengan kerja yang telah mereka buat, dan tidak berat atau memerlukan berpindah. Gaji-nya pula hendaklah tinggi.

Tentang gaji kebanyakan majikan menawarkan \$4 sehari. Satengah2 majikan menyediakan tempat tinggal dengan perchuma.

BUTIR2 DAFTAR

Dalam butir2 yang di-dapati dari daftar2 pejabat pertukaran buroh sa-banyak 990 kerja ada-lah kosong di-negeri ini pada hari ini. Bilangan itu telah berlipat ganda semenjak satu penyiasatan dijalankan lebeh kurang sa-tahun dahulu.

Pejabat pertukaran buroh sekarang berikhtiar mendorongkan pekerja2 yang menganggor menerima kerja2 yang kosong sungguh pun satengah2 penganggor itu mendapat kerja yang mereka sukai dengan usaha mereka sendiri.

Tetapi ada-lah mustahil dapat di-adakan kerja2 yang sesuai dengan kehendak tiap2 orang yang menchari kerja.

Soal "muka" ada-lah juga menimbulkan kerumitan bagi pejabat pertukaran buroh hendak mendorongkan pekerja2 itu menerima kerja2 yang di-tawarkan.

TA' MAHU BEKERJA

Orang2 Melayu tidak mahu menerima kerja2 yang di-sifatkan hina, sungguh pun kerja2 saperti itu jika di-luar kawasan2 bandar dan terlindung dari pandangan orang, banyak yang di-penohi oleh buroh Melayu.

Orang2 Melayu dari Bandar Brunei pula tidak mahu meninggalkan Bandar Brunei. Mereka itu mensifatkan Kuala Belait terlalu jauh dan yang demikian tidak mahu berpindah ka-bandar itu untuk memenohi kerja2 yang kosong di-Kuala Belait.

Tetapi keengganan bekerja di-tempat2 yang jauh dari kampung itu tidak pula menepati seluruh-nya.

Waktu kerajaan melancarkan pembenaan jalan raya dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait, orang2 Iban di-gunakan pada mula-nya, tetapi sa-telah kerajaan membena rumah2 se-

Satu keadaan serba salah tentang kejadian penganggoran dalam kemewahan peluang bekerja telah berjalan di-Brunei semenjak ranchangan2 pembenaan yang besar di-bawah ranchangan kemajuan lima tahun yang pertama siap pada hujung tahun 1958.

Pekerja2 yang di-dapati berlebehan dan tidak di-kehendaki lagi bekerja telah di-berhentikan. Mereka itu telah balek ka-kampung masing2 di-seluruh negeri menjalankan sa-mula kerja biasa mereka saperti berchuchok tanam, menternak itek ayam, menangkap ikan, menchari hasil hutan dan lain2 untuk sara kehidupan.

Sambil menjalankan kerja biasa itu, bekas pekerja2 tadi mendesak supaya mereka di-beri kerja dalam perkhidmatan kerajaan saperti yang telah mereka alami beberapa tahun dalam masa ranchangan kemajuan itu di-laksanakan.

Untuk menolong mereka itu mendapatkan kerja lain, pejabat pertukaran buroh telah mendaftarkan nama pekerja2 yang menganggor. Tanggong jawab pejabat itu ia-lah terutama-nya menyesuaikan pekerja2 dengan kerja2 kosong yang di-tawarkan oleh majikan.

mentara di-kawasan2 yang jauh dari Bandar Brunei saperti Sungai Liang dan Telisai, orang2 Melayu telah mendesak supaya mereka di-beri kerja dan tinggal di-rumah2 tersebut.

SOAL PERUMAHAN

Ada-lah jelas dari kejadian ini bahawa soal perumahan ia-lah satu perkara yang bersangkutan dengan ikhtiar hendak memberi kerja kepada pekerja2 yang di-katakan menganggor pada hari ini.

Dalam hal ini kerajaan sedand menimbangkan shor satu jawatan kuasa supaya rumah2 di-bena di-tempat2 kerja yang di-selenggarakan oleh pejabat kerja raya atau di-uruskan

oleh pemborong2 sa-bagai kerja tawaran walau pun perbelanjaan atas kerja itu akan bertambah.

Sa-balek-nya kerajaan juga di-minta menimbangkan pemberian allowance rumah sa-bagai ganti tempat tinggal kapada pekerja2 yang bekerja di-tempat2 yang jauh dari kampung mereka.

Jawatan kuasa yang telah menyiasat sebab2 keadaan serba salah ini berlaku berpendapat bahawa keengganan orang2 Melayu Brunei mengambil kerja2 yang di-tawarkan itu ada-lah nyata bukan-nya akibat kerja tidak ada.

Sebab2 yang penting maka mereka itu menganggor ia-lah

keadaan kemewahan di-negeri ini.

Orang2 Melayu belum lagi di-timpa kesusahan yang sengit saperti yang di-dapati di-bandar2 yang besar di-Asia dan Eropah. Buroh Melayu tidak tahu apa itu keburloran, kesejukan kerana tiada rumah perlindungan dan lain2 kesusahan yang memaksa buroh asing menerima apa jua kerja yang di-tawarkan kapada mereka oleh pejabat2 pertukaran buroh.

Orang2 Melayu semua-nya boleh di-katakan mempunyai rumah tangga sendiri. Mereka itu hanya bekerja kerana menambah pendapatan dan itu pula jika kerja itu sesuai dengan resmi mereka.

BUROH MELAYU

Untuk menjaga kepentingan buroh Melayu jawatan kuasa itu telah menhadangkan juga supaya kerajaan memberi pertimbangan atas shor2 yang berikut:—

◆ Sagu hati hendaklah dibayar kapada pekerja2 yang di-berhentikan sa-kira-nya pekerja itu di-berhentikan bukan-nya kerana kesalahan-nya tetapi kerana berlebehan pekerja dan hitong bayaran sakurang-nya dua minggu gaji bagi tiap2 tahun genap perkhidmatan.

◆ Di-mana2 yang boleh di-jalankan, di-kurangkan masa bekerja bagi tiap2 pekerja, tidak di-kurangkan bilangan pekerja. Ini lebeh di-sukai oleh kesatuan2 pekerja.

◆ Kawalan ka-atas orang2 asing yang tidak menghormati sempadan2 negeri atau undang2 imigreshen masuk ka-Brunei dan bekerja dengan tidak mendapat kebenaran bekerja.

◆ Mengadakan pusat latihan untuk melatoh buroh Melayu mendapat kemahiran yang sekarang ini di-dapati daripada buroh asing.

BANTUAN TEKNIK

Pertimbangan kerajaan ada-lah juga di-minta terhadap chadangan meminta bantuan daripada pejabat buroh internasional dan negeri2 dalam Ranchangan Colombo atas kemungkinan mendapatkan bantuan teknik.

Dalam soal latihan kebanyakan majikan sudah pun memberi latihan kapada 5% hingga 10% buroh tempatan yang menjadi kaki tangan dan buroh mereka. Angka ini mungkin di-naikkan mengikut masa oleh kerana orang2 yang maher akan lebeh ramai di-kehendaki pada masa dahapan.

Dalam perkara kemasokan buroh kasar hanya bilangan yang sa-habis sedikit sahaja di-

(Lihat muka 5)



Sa-orang pandai besi Melayu memberi latehan kapada sa-orang pekerja Melayu di-workshop Pejabat Kerja Raya Brunei.

Jadual pemereksaan sukat dan timbangan

BANDAR BRUNEI—Pemereksaan sukat dan timbangan telah di-jalankan di-sini pada 3 July dan sa-kali lagi pada 23 July. Pemereksaan di-Muara, Serasa, Batu Marang, Berbunut dan Labu telah di-jalankan dari 2 July hingga 6 July.

Pegawai Pemereksa Sukat dan Timbangan dan penolong2-nya akan melawat ka-seluruh negeri untuk memereksa alat2 sukat dan timbangan saperti berikut:

Batu Apoi, Temburong Lama, Biang Estate dan Belaban 7 July; Bangar termasuk Pendaruan 8 July—11 July; Sengkuring, Tutong dan Danau 18 July—20 July; Tunggolian dan Sungai

Liang 21 July.

Kuala Belait 1 August dan 9 August—16 August; Badas, Bukit Sawat dan Sawmill 2 August; Pengkalan Siong dan Sukang 3 August; Labi (Rumah Tumpangan) 4 August; Kuala Balai 7 August dan Seria (Pejabat Kerajaan) 17 August—23 August.

Pedagang2 dan orang2 yang mempunyai alat menimbang dan

menyukat ada-lah di-kehendaki oleh undang2 supaya mengeluarkan alat2 tersebut untuk di-pereksa.

Keputusan perbicharaan

BANDAR BRUNEI.—Rashid bin Hussein, sa-orang ahli pasokan bomba di-sini telah di-hukum penjara sa-lama tiga bulan dalam satu perbicharaan di-mahkamah Bandar Brunei baharu2 ini.

Rashid di-dapati salah atas kematian Hassan bin Pukol di-Paya Aga, Kampong Tanah Jambu, Muara pada malam 21 May yang lalu pada masa Rashid dan Hassan bersama sa-orang lagi sedang menyuloh pelandok di-tempat tersebut.

Sa-lain dari itu Rashid juga di-denda dua puluh lima ringgit atau penjara sa-lama sa-minggu atas kesalahan tidak mempunyai surat kebenaran menggunakan senapang.

Perubahan tambang kapal ka-Mekah

BANDAR BRUNEI.—Banyak perubahan berkenaan dengan tempat2 dan tambang di-dalam kapal haji dari Malaya ka-Jeddah pada tahun hadapan telah di-umumkan.

Mulai dari tahun hadapan juga akan di-sediakan kelas khas.

Tambang2 pelayaran kapal haji pada tahun hadapan saperti yang telah diubah ia-lah saperti berikut: Saloon "A" \$997; Saloon "B" \$750 dan Kelas Khas \$590.

Hanya 47 orang jema'ah haji sahaja dapat belayar di-kelas Saloon B.

Sa-kira-nya permintaan itu lebeh, mereka itu akan di-masokkan ka-dalam bahagian Saloon A.

RANCHANGAN LAWATAN PAKAR HAL EHAWAL PEMUDA PEMUDI

BANDAR BRUNEI—Doktor Frederick Chapman, sa-orang pakar dalam hal ehwal pergerakan pemuda-pemudi di-Amerika Sharikat akan melawat ka-Brunei sa-lama empat hari pada bulan July.

Menurut ranchangan yang telah di-sediakan, beliau akan tiba di-lapangan terbang Brunei pada pukul 1.25 petang hari Sabtu 16 July.

Pada pukul 5 petang 16 July, Doktor Chapman akan menghadhiri satu majlis perjumpaan pemuda-pemudi di-Dewan Civic Centre.

Pada sa-belah malam pula Doktor Chapman akan memberi sharahan kepada anggota2 Brunei Sports Club di-rumah persekutuan itu.

Doktor Chapman akan memberi sharahan di-dua majlis perjumpaan ramai pada hari Ahad 17 July.

Pada pukul 4.30 petang hari itu beliau akan memberi sharahan kepada pengakap2, pandu2 puteri dan ahli2 pasokan palang merah, di-Dewan Civic Centre.

Satu lagi sharahan-nya akan

di-beri kapada guru2 di-Dewan Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam hari itu.

Pekerja2 dagang masok untuk sementara waktu

(Dari muka 4)

benarkan masok dan orang2 itu hendak-lah di-salurkan untuk membuat kerja2 yang tidak di-terima oleh pekerja2 tempatan.

Kerja2 kosong yang banyak di-dapati pada masa ini ia-lah di-ladang2 getah, tetapi oleh sebab kebanyakan ladang2 itu di-punyai oleh kerajaan jawatan kuasa itu mengeshorkan bahawa segala ikhtiar baik dengan jalan penerangan atau melalui radio dan surat2 khabar hendak-lah di-uruskan bagi mendorong pekerja2 tempatan memenohi kerja2 kosong itu.

PERHUBONGAN

Perhubungan jalan dari bandar dengan ladang2 hendak-lah juga di-baiki supaya senang pekerja2 pergi balek dari bandar dan kampong2 mereka ka-ladang2 tersebut.

Jawatan kuasa itu berpendapat bahawa sa-bahagian daripada pekerja2 yang mempunyai kemahiran dan yang tidak maher juga hendak-lah di-bawa masok ka-negeri ini dari negeri2 lain.

Pekerja2 yang maher itu terpaksa di-bawa masok kerana bilangan pekerja2 tempatan yang mempunyai kemahiran tidak menchukupi di-Brunei dan yang tidak maher pula ia-lah kerana orang2 Melayu tempatan tidak mahu membuat kerja2 yang kotor dan tidak baik pada hal kerja itu terpaksa di-jalankan.

Kerja2 yang saperti ini-lah

yang di-chadangkan bagi di-jalankan oleh buroh asing yang tidak mempunyai kemahiran itu.

Pekerja2 dagang itu di-bawa masok sa-chara berquota sa-lama beberapa bulan yang di-tetapkan. Mereka itu akan di-hantar balek ka-negeri asal-nya oleh majikan.

Untuk merengankan tekanan penganggoran dan kesusahan yang di-katakan ada itu, berbagai2 langkah telah di-ambil oleh kerajaan.

Antara langkah2 yang telah di-jalankan ia-lah:—

Apabila sa-orang pekerja menjadi berlebehan maka telah di-persetujukan bahawa segala ikhtiar hendak-lah di-jalankan untuk mencharikan kerja lain yang sama taraf-nya.

Jika kerja yang di-kehendaki oleh pekerja itu tidak di-dapati kerja yang rendah taraf-nya pula di-tawarkan.

Sa-kira-nya bantuan pejabat tidak di-dapati langkah yang lain ia-lah berpaling kepada pejabat pertukaran buroh yang mengetahui kerja2 kosong yang banyak itu.

Berkeanaan dengan hal ini kewajipan pejabat pertukaran buroh ia-lah mendapatkan persesuaian orang2 yang mencari kerja dengan kerja2 kosong ia itu dengan mendaftarkan pekerja2 dan bertanya apa-ka kerja yang mereka kehendaki.

Sa-lepas itu pejabat itu akan menchadangkan suatu kerja dari senarai kerja2 kosong yang di-ketahui sama ada

terus daripada majikan atau di-ketahui pada masa majikan itu meminta kebenaran quota pekerja2 dagang.

Quota itu mengandongi sharat ia-itu pekerja2 dagang itu hendak-lah di-ganti dengan pekerja2 tempatan sa-kira-nya mereka itu di-dapati mempunyai kemahiran atau mereka itu bersetuju menerima latehan untuk mendapatkan kemahiran yang di-kehendaki.

PENGANGGORAN

Sungguh pun penganggoran di-katakan berjadi2 di-negeri ini tetapi yang sa-benar-nya kesusahan akibat tidak ada kerja tidak di-dapati kerana pekerja2 itu sudah menjalankan sa-mula kerja2 biasa mereka di-kampong2.

Dari keterangan yang di-dapati dari pejabat pertukaran buroh hanya lebeh kurang 50 orang sahaja yang betul2 berkehendakkan kerja.

Angka ini ia-lah hasil dari chara pendaftarannya baharu yang memerlukan pekerja2 yang betul2 berkehendakkan kerja datang ka-pejabat itu mendaftarkan nama tiap2 bulan.

Tenaga mereka itu sudah tentu boleh di-gunakan kerana kerja2 kosong banyak tetapi oleh sebab mereka memilih kerja tidak-lah semua-nya di-beri kerja.

Dalam bulan lepas, mithalnya, enam orang telah menolak tawaran kerja di-Bandar Brunei dan tiga orang di-Kuala Belait.

Jambatan ajaib Malaya-Brunei

(Dari muka 1)

kat tali persaudaraan yang erat dengan Ratu Melaka.

"Maka dengan keberangkatan paduka kakanda sendiri, sa-sudah Persekutuan Tanah Melayu merdeka ini, adinda rasa bukan sahaja menambah erat perhubungan persaudaraan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu yang memang berasal dari satu bangsa, dari satu bahasa, dari satu ugama, dan satu kebudayaan dan kesenian itu, tetapi juga mudah2an perasaan muhibbah dan kaseh sayang sedia tersemat di-sanubari itu akan mendalam dan berkekalan, dan akan merupakan jambatan ajaib di-lautan China."

Keputusan bacaan Koran Belait / Seria

KUALA BELAIT. — Pertandingan bacaan koran bagi kanak2 dan orang2 dewasa di-kawasan Kuala Belait telah di-adakan baharu2 ini di-mesjid Kuala Belait.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Ikhwanul Muslimin Daerah Belait dengan di-hadhiri oleh ramai kaum muslimin.

Pembacha2 koran yang berjaya dalam pertandingan itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Laki2 dewasa 1. Murni bin Chapar 2. Murni bin Sanai dan 3. Awang Mukim bin Chuchu.

Perempuan dewasa 1. Dayangku Zabaidah binti Pengiran Matasan; 2. Dayang Kiamah binti Chuchu dan 3. Malai Halijah binti Sheikh Haji Said.

Kanak2 laki2 1. Mas'ud bin Suhaili; 2. Haji Zainuddin bin Tamin dan 3. Zaidi bin Ibrahim.

Kanak2 perempuan 1. Saleha binti Majidi; 2. Taiban binti Khudi dan 3. Dayangku Noralam binti Pengiran Mahmud.

Satu pertandingan bacaan koran untuk kanak2 dan orang2 dewasa bagi kawasan Seria telah juga di-langsungkan baharu2 ini di-bawah anjoran Pesatuan Ikhwanul Muslimin juga.

Peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Laki2 dewasa 1. Haji Alias bin Matali; 2. Suan bin Sambah dan

3. Mohamed Daud bin Dollah.

Perempuan dewasa 1. Norleha binte Mohamed Nor; 2. Fatimah binti Haji Sahari dan 3. Saleha binti Ibrahim.

Kanak2 laki2 1. Abu Bakar bin Haji Mohamed Paun; 2. Ariffin bin Sampin dan 3. Malai Hashim bin Malai Othman.

Kanak2 perempuan 1. Dayang Masjidah binti Haji Abang Ali; 2. Dayangku Iring binti Pengiran Said dan 3. Rusni binti Ibrahim.

Dalam pertandingan akhir bahagian Kuala Belait, Dayangku Noralam binti Pengiran Mahmud

dari Kuala Belait telah berjaya memenangi gelaran johan bacaan koran bagi Daerah Belait bahagian kanak2 perempuan.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-Mesjid Kuala Belait pada 23 June yang lalu.

Abu Bakar bin Haji Mohamed Paun telah memenangi gelaran johan kanak2 laki2 Daerah Belait.

Inche Murni bin Ghafar telah memenangi gelaran johan bahagian laki2 dewasa.

Che Norleha binti Mohamed Noor telah menjadi johan bahagian perempuan dewasa.

Pembacha2 koran tersebut yang telah berjaya dalam pertandingan akhir memasuki pertandingan bacaan koran seluruh Negeri Brunei di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Ahad yang akan datang.

PENGOREKAN MINYAK DI-LAUT DI-TANGGOHKAN SEMENTARA

SERIA — Pekerjaan menchari minyak di-laut dengan menggunakan pentas laut Orient Explorer telah di-berhentikan sa-hingga pertengahan tahun hadapan oleh sebab perkakas2 yang di-kehendaki untuk membaiki pentas itu tidak boleh di-dapati di-sini.

Sa-telah di-gunakn hampir setahun untuk menchari minyak di-perayeran Borneo Utara dan Brunei perkakas jack kerana me-

naikkan tiang2 pentas itu telah di-dapati rosak.

Untuk membaiki perkakas itu masa yang lanjut akan di-kehendaki kerana barang2 itu terpaksa di-pesan dan di-buat di-Eropah atau Amerika.

Sa-telah itu barang2 itu akan di-hantar ka-Labuan untuk menggantikan perkakas2 yang rosak itu.

Pekerjaan menchari minyak dari pentas laut itu telah di-berhentikan semenjak bulan March yang lalu.

Dalam ranchangan menchari minyak di-perayeran Borneo Utara Sarawak dan Brunei tiga buah telaga telah di-korek, dua daripada-nya mengeluarkan minyak.

KUCHING, ANJING, BAHAYA KESIHATAN

BANDAR BRUNEI. —

Gerakan menyempit anjing yang tiada berlesen telah di-mulakan di-sini pada 27 June lepas dan akan berjalan sa-hingga satu tarikh yang akan di-umumkan kelak.

Dalam satu siaran Pejabat Bandaran Brunei berkata bahawa tuan2 punya anjing ada-lah di-ingatkan supaya menggantungkan lesen2 anjing mereka pada leher anjing.

Dalam pada itu Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Mahab bin Ariff, berkata anjing itu boleh menjangkitkan penyakit batok kering jika ia mengidap penyakit tersebut.

Oleh yang demikian anjing2 yang di-dapati berkecualan hendaklah di-hapuskan dari negeri ini.

Kuching juga boleh menjangkitkan penyakit batok kering. Kuching2 yang telah menjadi liar hendaklah juga di-hapuskan.

Jema'ah haji kembali

BANDAR BRUNEI — Rombongan jema'ah haji dari Brunei yang telah berangkat ka-Mekah pada tahun ini kerana menunaiki fardzu haji di-jangka balek ka-Brunei hari ini.

Di-antara jema'ah haji itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Udara Khatib Haji Omar bin Awang Rendah.

Rombongan jema'ah haji itu di-jangka tiba di-Labuan dengan kapal "Kimanis" dari Singapura pada pagi 5 July dan dari sana akan tiba di-Brunei pada sabelah petang.

Pertandingan bacaan Koran seluruh negeri minggu ini

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bacaan Koran untuk memilih johan bagi daerah Brunei telah di-langsungkan di-mesjid Omar Ali Saifuddin pada petang Ahad di-bawah anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei.

Peserta2 yang berjaya dalam pertandingan itu telah di-pilih mewakili daerah Brunei dalam pertandingan bacaan Koran seluruh negeri yang akan di-langsungkan di-sini pada 10 July.

Keputusan pertandingan itu ada-lah seperti berikut:

Lelaki Dewasa Bahagian A; Sabtu bin Ahmad, Awang Besar bin Yahya, Pengiran Muhidi bin Pengiran Omar dan Sharbini bin Haji Yakob (sama markah).

Lelaki Dewasa Bahagian B. Sharbini bin Haji Yakob, Abdul Wahab bin Tuan Imam dan Ahmad bin Abdul Rahman.

Perempuan Dewasa; Salmah binti Haji Abdul Mukti, Noraini binti Haji Adnan dan Halijah binti Abdullah.

Kanak2 lelaki; Sahari bin Awang Hussein, Karim bin Awang Tengah dan Awang Damit bin Haji Pawang.

Kanak2 Perempuan; Siti binti Mohamed Pusof, Dayang Tengah binti Besar dan Latifah binti Awang Aji.

Peserta2 yang berjaya yang di-pilih memasuki pertandingan seluruh negeri ia-lah, Sabtu bin Ahmad (lelaki), Salmah binti Haji Abdul Mukti (perempuan), Sahari bin Awang Hussein (kanak2 lelaki), dan Siti binti Mohamed

Yusof (kanak2 perempuan).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Kadhi Besar Brunei.



Sa-bahagian dari penuntut2 yang mendapat sijil kelulusan peperiksaan darjah 5 dan 6 tahun 1958. Hampir 200 orang murid telah mendapat sijil dalam satu istiadat yang di-adakan Civic Centre baharu2 ini.

BRUNEI MOTOR CLUB ADAKAN PERLUMBAAN

SERIA. — Brunei State Motor Club akan mengadakan perlumbaan kereta pada hari Ahad akan datang ini di-lapangan terbang Anduki. Perlumbaan itu terbuka kepada ahli2 club.

Perlumbaan itu mula2-nya di-chadangkan untuk di-adakan di-padang terbang Berakas seperti yang telah di-langsungkan pada tahun lepas tetapi oleh sebab pada hari tersebut padang terbang itu di-gunakan oleh kapal2 terbang, tempat perlumbaan itu telah di-tukarkan ka-lapangan terbang Anduki.

Kebenanaran menggunakan lapangan terbang Anduki telah di-di-beri oleh Managing Director sharikat minyak Brunei Shell, Yang Berhormat Tuan P.M. Linton.

Perlumbaan2 yang di-ran-changkan itu ia-lah perlumbaan kepantasan kereta dan di-bahagi kepada tujuh bahagian.

Tiap2 kereta akan di-kehendaki melalui jalan yang kurang baik dengan sa-berapa chepat yang boleh di-bawah bahagian masing.

Kereta yang paling deras akan mendapat kemenangan.

Perlumbaan itu ia-lah kerana merebutkan sa-buah piala perak yang di-hadihkan oleh Duli Yang Maha Mulia pada tahun sudah kepada pemandu yang laju sekali membawa kereta-nya.

Hadih2 lain akan juga di-beri kerana lain2 bahagian.

PASOKAN MELAYU TEWAS

SERIA—Pasokan hokey Shell Malay Club yang di-jangka memenangi Robert Cup itu telah kalah dalam pertandingan dengan Shell Recreation Club, 4 goal berbalas 1 pada hari Rabu lepas.

Kedua2 pasokan itu sama handal-nya tetapi kekalahan Malay Club itu ia-lah akibat kekurangan permainan passing yang baik.

Gol yang di-dapati oleh Malay Club itu ia-lah chetusan O. A. Rahman tidak beerapa minit sebelum pertandingan di-tamatkan.

Lima pasokan Polis dalam pertandingan bola sepak

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Polis Bandar Brunei telah mengalahkan pasokan Polis Persekutuan Tanah Melayu yang di-tempatkan di-Seria dengan tiga gol berbalas dua di-padang bandar ini pada petang Ahad.

Pertandingan itu di-adakan antara pasokan2 polis di-Brunei.

Hussein, Tajuddin dan Wong telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi pasokan Bandar Brunei.

Kasim dan Hasnal Sabtu telah menjaringkan gol2 bagi pasokan Polis Malaya.

Pengiran Salleh bin Pengiran

Haji Rajid telah mengadakan pertandingan tersebut.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu ia-lah pasokan2 Polis Bandar Brunei, Kuala Belait, Polis Persekutuan dan pasokan Field Force Sarawak.

KEDUDOKAN PASOKAN2 HOCKEY DALAM BAHAGIAN 1 DAN 2

BANDAR BRUNEI — Brunei Sports Club maseh mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam pertandingan hokey Bandar Brunei bahagian pertama tingga ka-akhir bulan June.

Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei juga maseh mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam bahagian kedua.

Keputusan penoh pertandingan hokey tersebut ia-lah seperti dibawah ini:

Bahagian pertama :					
	P	M	S	K	Mata
B.S.C.	5	5	—	—	10
S.O.A.S.	6	3	2	1	8
M.L.G.M.	5	3	1	1	7
P.W.D.	5	2	—	3	4
Pelajaran	6	1	1	4	3
Polis	5	—	—	5	0
Bahagian kedua :					
	P	M	S	K	Mata
M.L.G.M.	6	4	2	—	10
S.O.A.S.	6	4	1	1	9
Civic Centre	5	2	2	1	6
Pelajaran	5	2	1	2	5
Sukat	4	1	—	3	2

(P = Perlawanan; M = Menang; S = Seri; K = Kalah)



Bandar Brunei dan Kampong Ayer kelihatan dari udara. Bangunan yang ber menara itu ia-lah Mesjid Omar Ali Saufuddin.

Askar China Komunis bunoh pegawai Nepal

KATMANDU. — Askar2 China Komunis telah membunoh saorang pegawai tentera Nepal dan menangkap sa-orang sarjan dan 15 orang askar, di-dalam satu pentemporan sempadan di-barat laut Nepal, demikian di-beritakan sa-chara rasmi di-Katmandu.

Sumber2 rasmi menyatakan bahawa pertemporan itu berlaku pada hari Ahad lepas dekat Choka dalam daerah Mustang, tat-kala pasokan Nepal yang tidak bersenjata sedang menjalankan pemereksaan atas pengaduan2 bahawa askar2 China telah men-cheroboh masuk ka-dalam kawasan Nepal.

Pertemporan itu berlaku dekat dengan tempat Nepal hendak mendirikan lapangan terbang dengan bantuan Amerika Sharikat.

Sa-orang juruchakap kedutaan Amerika di-Katmandu berkata bahawa walau pun telah di-pu-tuskan untuk mendirikan lapa-ngan terbang di-situ, tetapi orang Amerika tiada di-daerah itu.

Pakar2 Amerikan telah men-jalankan pengawasan dari udara ka-atas daerah Mustang.

Berita2 rasmi menyatakan ba-hawa hampir2 2,000 orang askar China telah menembak dari se-berang sempadan askar2 Nepal di-tempat2 pertindongan dekat sempadan Nepal.

Dalam pada itu berita2 dari New Delhi menyatakan bahawa hampir 200,000 orang Tibet sekarang sedang berjuang un-tok menembusi kepongan2 Chi-na Komunis.

Berita itu menyatakan bahawa orang2 Tibet itu dalam satu ge-rakan perpindahan yang besar dari timor ka-barat Tibet, melau-lui beratus2 batu jalan2 gunung yang merbahaya dan tanah2 dar-tar yang sentiasa di-pukul an-gin.

ROMBONGAN KEWANGAN

SINGAPURA. — Rombongan Kerajaan Singapura yang akan berunding dengan Kerajaan British di-London atas pinjaman wang sa-banyak \$28 juta telah berlepas dari sini ka-London dalam minggu lepas.

Rombongan itu terdiri dari Tuan J. Puthucherry, Pengurus Lembaga Perusahaan, Tuan Hon Sui Sin, setia usaha tetap Kementerian Kewangan baha-gian ekonomi dan Puan Heng Hong Ngoh, setia usaha rom-bongan.

Menteri Kewangan Dr. Goh Keng Swee akan bertolak dalam pertengahan bulan ini.

Perundingan yang akan di-adakan itu ia-lah lanjutan perun-dingan yang telah di-mulakan oleh Dr. Goh dengan Kerajaan British pada akhir tahun lepas.

Beliau telah meminta pinjaman untuk perbelanjaan meluaskan lapangan terbang Paya Lebar dan untuk perbelanjaan pasokan2 tentera Singapura.

Berita itu menambah bahawa askar2 bantuan China sedang di-kejarkan dari Sinkiang untuk menindas angkatan perpindahan itu.

Di-dalam masa perpindahan itu, orang2 Tibet telah mem-

bunoh beberapa ratus orang as- kar China dan menawan sa-jum-lah besar senjata di-dalam be-berapa pertemporan.

China Komunis telah memberi tahu Nepal dengan sa-chara ras-mi bahawa ia sekarang sedang menggunakan tentera2-nya un-tok menindas satu pemberonta-kan orang2 Tibet yang berlaku di-sempadan Nepal dengan Ti-bet.

Perutusan Peking kapada Ne-pal itu menunjukkan bahawa tentera2 China sekarang sedang bergerak di-kawasan2 berke-chuali yang telah di-setujui oleh Nepal dan China dalam bulan March lepas.

Faham kiri tidak bermaana jadi Komunis — Soekarno

JAKARTA—Presiden Soekarno telah menapikan bahawa par-lemen yang baharu di-lantek-nya itu ada-lah memberi keuntungan kapada Party Komunis.

Tatkala memberi ucapan da-lam satu persidangan gabnor2 daerah di-Jakarta, Doktor Soe-karno berkata bahawa jika tu-juan mereka ia-lah marhainism Indonesia, mereka mesti-lah ber-haluan kiri.

Beliau menambah bahawa sa-tengah2 orang ada mengidap pe-nyakit takut kapada komunis. Sa-orang yang berfaham kiri ti-dak-lah sentiasa bermaana ia menjadi sa-orang komunis, beliau berkata.

Dalam kerja membentok par-lemen yang baharu di-lantek itu, Party Komunis telah menderita kerugian sedikit sahaja dari-pada lain2 party politik yang besar2.

Satengah2 pihak pertengahan dan conservative mendaawa ba-hawa Party Komunis dan penyokong2-nya ada-lah di-wakil ter-lalu ramai di-dalam badan2 kerja yang baharu di-tubuhkan di-dalam parlemen baharu itu.

MALAYA TA' BOLEH BERTERANG2 MEMULAUKAN BARANG2 AFRIKA

KUALA LUMPUR — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak boleh menyokong sa-chara berterang tindakan memulau barang2 Afrika Selatan, kerana Malaya ada-lah menjadi salah satu pihak yang mengikat perjanjian atas per-setujuan umum mengenai kawalan pengeluaran barang2 dan perniagaan.

Menteri Perdagangan, Inche Mohammed Khir bin Jo-hari, telah mengumumkan hal ini di-dalam parlemen.

Beruchap tatkala memberi sokongan atas satu shor mem-beri pujian kapada Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman atas penderian Tengku terhadap sikap membeza warna kulit di-persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth di-London dalam bulan May, Inche Khir Johari berkata bahawa sa-barang tindakan yang di-ambil oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-chara berterang2 menyokong sa-suatu pe-mulauan, maka kerajaan Afrika Selatan boleh mendaawa-nya sa-bagai satu pelanggaran atas perjanjian itu.

Tetapi jika daya utama itu di-ambil oleh dewan2 per-niagaan, maka Afrika Selatan tidak boleh mendaawa bahawa Malaya telah melanggar perjanjian tersebut.

Sa-bagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan, beliau telah mengeluarkan perintah2 bahawa segala jalan untuk mengambil tindakan bersama terhadap Afrika Selatan mesti-lah di-chari.

Tengku Abdul Rahman tatkala beruchap dalam per-bahathan itu berkata bahawa jika Malaya mengambil tinda-kan persاورangan, Afrika Selatan tidak akan berasa sengit-nya. Jadi kata Tengku, ia akan menulis surat kapada se-mua Perdana2 Menteri, yang akhir-nya mesti-lah mem-punyai perasaan terhadap masalah itu.

Shor itu telah di-luluskan dengan tiada bantangan.

TUAN KISHI DI-JANGKA MELETAK JAWATAN

TOKYO — Perdana Menteri Jepun, Tuan Nobusuke Kishi telah menudoh pertubohan Komunis antara-bangsa atas kekachau-an yang berlaku di-Jepun pada masa ini.

Beliau telah membuat tuduhan itu dalam satu kenyataan yang mengumumkan tujuan-nya hendak meletakkan jawatan sa-bagai perdana menteri.

Tuan Kishi telah menyesali atas rusohan2 yang berlaku ba-haru2 ini di-dalam negeri, dan tindakan2 yang di-ambil oleh sa-tengah2 pihak di-dalam dan di-luar parlemen yang boleh mem-bahayakan pemerintahan ber-parlemen sa-chara demokrasi.

Tugas yang penting yang di-hadapi oleh Jepun ia-lah meng-hapuskan tindakan2 kekerasan, mengekalkan undang2 dan ke-amanan, dan mengembalikan sa-mula keperchayaan antara-bangsa.

Beliau telah merayu kapada raayat supaya memahami dengan betul akan kedudukan sekarang.

Tuan Kishi mendaawa baha-wa Perjanjian Keselamatan Ame-rika Sharikat—Jepun yang ba-haru itu, telah meletakkan ne-geri-nya ka-taraf yang sama de-ngan Amerika dan memberi sum-bangan kapada terujud-nya ke-amanan dunia dan keselamatan bagi Jepun.

Pegawai2 Amerika telah me-nyambut baik atas pelaksanaan Perjanjian Keselamatan itu, te-tapi mereka tidak terperanjat atas keputusan Tuan Kishi hendak meletakkan jawatan.

Presiden Eisenhower telah me-nanda tangani surat2 pengesahan perjanjian bagi pihak Amerika dan telah menghantar-nya kapada kedutaan Amerika Sharikat di-Tokyo sa-belum dewan senate meluluskan perjanjian itu.

Presiden Republik Ghana

ACCRA — Dr. Kwame Nkrumah telah menjadi julong2 Pre-siden Republik Ghana dalam minggu lepas. Ghana akan terus menjadi sa-buah negara dalam lengkongan Common-wealth British.

Dr. Nkrumah telah pindah ka-Istana Negara sa-jurus sa-telah Gabnor General yang akhir, Lord Listowel meninggalkan Accra.